

# GATALKO CREAM

Menthol / Camphor (4% w/w / 6% w/w)

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan GATALKO CREAM
2. Bagaimana GATALKO CREAM berfungsi
3. Sebelum menggunakan GATALKO CREAM
4. Cara menggunakan GATALKO CREAM
5. Semasa menggunakan GATALKO CREAM
6. Kesan-sesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan GATALKO CREAM
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan GATALKO CREAM

Digunakan untuk melegakan keradangan sinus, sakit otot dan sendi, terseluh, lenguh dan sakit-sakit.

## Bagaimana GATALKO CREAM berfungsi

Camphor adalah perangsang, menyebabkan kemerahan pada kulit, menghilangkan kegatalan dan antisептик lemah yang ideal untuk ketegangan saraf dan lain-lain kawasan yang sakit. Menthol melebarkan saluran darah menyebabkan sensasi sejuk diikuti dengan kesan analgesik. Ia juga bertindak menggalakkan penembusan, menembusi ke dalam kulit dan mempercepatkan kesan tindakan.

## Sebelum menggunakan GATALKO CREAM

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan pada kanak-kanak di bawah umur 2 tahun.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum mengambil GATALKO CREAM.

### - Sebelum mula menggunakan GATALKO CREAM

Beritahu doktor jika anda mempunyai luka terbuka atau hipersensitif kepada ubat.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda jika anda sedang mengambil ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari

farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

## Cara menggunakan GATALKO CREAM

### - Berapa banyak harus digunakan

Penyediaan perlu disapu kepada kulit dengan berhati-hati, gosok dengan nipis 2 hingga 3 kali sehari apabila diperlukan. Ia tidak perlu disapu pada kawasan melepuh, luka terbuka atau kawasan berair pada kulit, berdekatan mata dan tidak disyorkan pada muka dan alat kelamin.

Arahan yang diberikan mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

### - Bila perlu digunakan

Iikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

### - Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan GATALKO CREAM untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

### - Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos yang berganda untuk mengantikan dos yang tertinggal.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Tiada laporan berkaitan dengan terlebih dos.

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

## Semasa menggunakan GATALKO CREAM

### - Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang

merawat anda bahawa anda sedang menggunakan GATALKO CREAM.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan beri GATALKO CREAM kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Perhatian perlu ditegaskan apabila kanak-kanak yang lebih dewasa dirawat. Ia amat berbahaya untuk meletakkan mana-mana produk yang mengandungi camphor ke dalam rongga hidung kanak-kanak. Amaun yang sedikit disapu dengan cara ini boleh menyebabkan pengsan.

## Kesan-sesan sampingan

Dengan arahan yang disyorkan, kesan-sesan sampingan atau reaksi advers adalah tidak mungkin berlaku.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835549, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*).

## Cara penyimpanan dan pelupusan GATALKO CREAM

### - Penyimpanan

Jauhi ubat daripada kanak-kanak  
Lindungi daripada cahaya  
Simpan di tempat kering di bawah 30°C  
Pastikan bekas ditutup rapat  
Untuk kegunaan luar sahaja

### - Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

---

**Maklumat lanjut****- Rupa dan warna produk**

Krim berwarna putih dengan bauan menthol.

**- Bahan-bahan kandungan**

- Bahan aktif

Menthol & Camphor

- Bahan-bahan tidak aktif

Chlorocresol, Deionised Water,  
Cetostearyl Alcohol, White Soft  
Paraffin & Cetomacrogol 1000

**- Nombor MAL**

MAL19910633X

**Pengilang & Pemegang Pendaftaran****Produk**

Dynapharm (M) Sdn. Bhd.

2497, Mk 1, Lorong Perusahaan Baru 5,

Kawasan Perusahaan Perai 3, 13600

Perai, Pulau Pinang, Malaysia.

**Tarikh kemaskini RiMUP**

20/08/2018

**Nombor siri:**

NPRA(R4/1)200818/00246